



**CANGGIH...Mohd Ali (kiri) melihat sistem MicroDose Digital Mammography sambil diberi penerangan oleh Dr Imran (tengah).**

# Mamografi mesra pengguna

Metro 24/11/12  
MS 65

**M**ELAKA: Hospital Pakar Putra (PSH) Melaka, di sini, muncul hospital pertama di Asia Tenggara menggunakan sistem teknologi tinggi, MicroDose Digital Mammography bagi mengesan kanser payudara.

Kejayaan itu sekali gus memberi perkhidmatan sistem mamografi pertama dalam negara dengan pengurangan kadar dos radiasi rawatan sehingga 53 peratus berbanding sebelum ini.

Sistem terbaru keluaran pengeluar barangan elektrik terkemuka dunia, Philips itu menggunakan teknologi pengiraan foton x-ray iaitu satu-satunya sistem mamografi yang mendapat kelulusan daripada Pentadbiran Makanan dan Dada (FDA) Amerika Syarikat pada Mei 2011.

Buat masa ini, sistem mamografi bernilai RM800,000 itu hanya terdapat di 18 negara Eropah, selain Australia, New Zealand dan Jepun.

Pakar pengiraan PSH Melaka, Dr Imran Yahya berkata, pengesanan pengiraan foton yang dipatenkan dalam sistem terbaru itu lebih cekap, selain kuasa dan dos x-ray dapat dikurangkan.

"MicroDose Digital Mammography lebih mesra kerana pengguna tidak berasa sakit dan dos radiasi lebih rendah iaitu sehingga 53 peratus. Selain itu, reka bentuk yang lebih mengikut anatomi manusia memberikan keselesaan kepada pengguna.

"Pemeriksaan menggunakan sistem ini juga hanya

mengambil masa antara 10 hingga 30 minit dan pengguna akan diberi keputusan lengkap dengan imej berkualiti tinggi dalam tempoh sejam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika majlis perasmian sistem terbaru itu yang disempurnakan oleh Ketua Menteri merangkap Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah PSH Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, di sini, semalam.

Turut hadir, isteri Ketua Menteri, Datin Seri Asmah Abd Rahman; Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita dan Pembangunan Keluarga negeri, Datuk Norpipah Abdol; Timbalan Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah PSH Melaka, Datuk Ramlah Abas dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Rad-

huana Salleh.

Dr Imran berkata, sebanyak 32.1 peratus kanser yang biasa menyerang wanita adalah kanser payudara dan ujian mamogram dapat mengesan kanser itu pada peringkat awal sebelum ketumbuhan dapat dirasakan.

"Satu dalam 20 wanita berisiko menghadapi penyakit ini. Masih ramai wanita tidak sedar mereka berisiko kerana berasaskan masih muda, tiada keturunan atau ahli keluarga yang disahkan mengidap kanser berkenaan," katanya.

Sementara itu, Mohd Ali berkata, dalam pembentangan Bajet 2013 lalu, kerajaan memperuntukkan RM25 juta bagi pemeriksaan mamogram percuma kepada wanita 40 tahun ke atas dan

hospital itu turut menerima peruntukan RM3,000 setahun.

Katanya, melalui program subsidi ujian mamogram sejak awal tahun hingga Oktober lalu, hospital itu sudah menjalankan 2,178 ujian kepada pengguna bagi mengesan kanser payudara.

"Sebelum ini, PSH Melaka menerima 30 pengguna sehari bagi menjalani ujian mamogram dan selepas sistem terbaru ini digunakan ia boleh menerima antara 50 hingga 60 pengguna sehari.

"Saya berharap semua wanita yang berusia 40 tahun ke atas dapat menjalani ujian pengesanan awal di hospital ini menggunakan sistem berteknologi tinggi yang pertama di Asia Tenggara," katanya.